

31/08/1998

Pastikan negara tidak dijajah lagi

HARI ini, sebagaimana pada tanggal 31 Ogos setiap tahun sejak 41 tahun lalu, seluruh rakyat, tanpa mengira batasan usia dan kaum, menyambut ulang tahun kemerdekaan negara. Hari kemerdekaan adalah waktu paling baik bagi setiap rakyat menilai nasib bangsa yang berjaya membebaskan diri daripada belunggu penjajah. Kemakmuran dan kemajuan yang dinikmati hari ini mungkin tidak dapat dicapai sekiranya negara masih dijajah sama ada secara fizikal atau mental. Dengan kebebasan mentadbir dan menentukan sistem politik negara, Malaysia berjaya berdiri sama tinggi dengan sesetengah negara lain dan menegakkan maruah bangsa.

Perlu diingati, walaupun Hari Kebangsaan disambut setiap tahun, suasananya sentiasa berubah-ubah. Ada tahunnya, Hari Kebangsaan disambut dengan meriah kerana pertumbuhan ekonomi negara begitu memberansangkan. Dalam keadaan demikian sekali pun, rakyat sentiasa diingatkan mengenai ancaman yang mungkin dihadapi. Rakyat tidak dibenarkan leka dengan kemajuan yang mereka nikmati kerana di dunia luar sana, ada orang yang memerhati dan menunggu masa untuk mencetuskan porak peranda.

Ada kalanya pula, Hari Kebangsaan disambut dengan agak muram termasuk pada tahun negara kehilangan tiga tokoh kepimpinan negara - Allahyarham Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak dan Tun Hussein Onn. Jasa ketiga-tiga pemimpin itu tidak akan hilang daripada lipatan sejarah Malaysia moden. Menerusi kesinambungan kepimpinan merekalah, Malaysia terus kekal sebagai negara yang berdaulat dan merdeka.

Tahun ini pula, rakyat dan negara terpaksa menyambut Hari Kebangsaan dengan suasana yang akan muram, tetapi kental dengan semangat untuk menentang sebarang bentuk penjajahan baru yang dipelopori rakyat asing. Sebagaimana umum mengetahui, ekonomi negara cuba diperkotak-katikkan oleh peniaga mata wang yang hanya memikirkan untuk mengisi kantong sendiri tanpa memikirkan nasib rakyat di negara yang menjadi sasaran. Mereka melakukan tindakan halus ini kerana sedar matlamat untuk menjajah semula rakyat dan negara ini hanya boleh dilakukan dengan mengucarkacirkan keadaan ekonomi dan politik negara ini.

Selepas cuba memusnahkan sistem kewangan negara ini dan beberapa negara lain di Asia Timur dan kini menular di beberapa benua lain, mereka menggunakan pengaruh mereka termasuk media asing untuk menyalahkan pentadbiran negara-negara berkenaan kononnya apa yang berlaku sekarang adalah berpunca daripada kelemahan pentadbiran kerajaan-kerajaan berkenaan. Jelas, mereka bukan saja cuba mewujudkan ketidakstabilan ekonomi dan politik, malah berusaha menukar kerajaan sebagai mana sudah pun berjaya mereka lakukan di beberapa negara.

Dengan tema Hari Kebangsaan 'Negara Kita, Tanggungjawab Kita' maka setiap rakyat perlu membantu kerajaan bersama-sama menentang sebarang percubaan untuk memusnahkan masa depan rakyat dan negara ini. Hanya rakyat sajalah dianggap kuasa dan benteng paling kebal untuk menolak sebarang percubaan jahat anasir luar ini. Jika rakyat mengabaikan tanggungjawab masing-masing, bermakna mereka merelakan anasir luar ini untuk menentukan sistem politik dan ekonomi negara. Jika keadaan itu berlaku, kemerdekaan negara sudah tidak ada nilainya lagi.

Pelbagai dasar yang digubal hasil persetujuan rakyat dengan sendirinya dimansuhkan, sebaliknya terpaksa mengikut telunjuk mereka. Sesungguhnya, ini adalah waktu paling getir bagi rakyat negara ini. Selepas pelbagai cara digunakan untuk menjajah semula negara ini gagal dilakukan orang

anasir asing ini, kali ini dengan menggunakan perangkap ekonomi, cita-cita mereka mungkin berjaya sekiranya rakyat mengikut rentak mereka.

Negara ini bernasib baik kerana Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, lebih awal menyedari strategi `musuh' negara ini dan cepat memberi suntikan baru, bermula dengan penubuhan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN). Malah, Dr Mahathir sendiri sentiasa berada pada barisan depan sama ada untuk menangkis atau menyerang balas setiap percubaan yang bermatlamat untuk melemahkan ekonomi dan politik negara.

Rakyat perlu ingat bahawa tindakan anasir luar ini tidak akan berakhir. Mereka akan terus mencuba sehingga cira-cita mereka tercapai. Setakat ini, benteng yang sukar mereka pecahkan ialah perpaduan rakyat. Selagi rakyat bersatu menyokong kerajaan, mereka tidak akan dapat berbuat demikian. Ini selaras dengan nasihat MTEN yang meminta rakyat tidak membiarkan diri dipengaruhi sikap negatif, pesimis, sebaliknya perlu terus berusaha dan memberi kerjasama serta sokongan kepada kerajaan.

(END)